

Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan. Jawab semua soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A,B,C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

1. Apakah tujuan penubuhan organisasi bermotifkan untung?
 - A. Membantu golongan berkemampuan mendapatkan perkhidmatan percuma
 - B. Meningkatkan penglibatan semua pihak dalam aktiviti kemasyarakatan
 - C. Menyediakan premis perniagaan kepada usahawan bersaiz kecil
 - D. Menawarkan barang dan perkhidmatan yang berkualiti

2. Apakah kelemahan perniagaan milikan tunggal?
 - A. Perniagaan tidak berterusan
 - B. Keputusan tidak dibuat oleh pemilik
 - C. Cukai keuntungan dikenakan tinggi
 - D. Pemilik perlu modal yang besar

3. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri suatu bentuk pemilikan perniagaan.

- Tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1965 (pindaan 1978)
- Kerjasama antara dua atau lebih individu
- Setiap ahli menggabungkan modal, kepakaran, pengalaman dan pengetahuan

Apakah bentuk pemilikan tersebut?

- A. Koperasi
 - B. Perkongsian
 - C. Milikan tunggal
 - D. Syarikat sendirian berhad
-
4. Maklumat di bawah berkaitan pemilikan perniagaan.

SYARIKAT MALAR HIJAU SDN. BHD.

Ciri manakah berkaitan perniagaan diatas ?

- A. Menanggung liabiliti tidak terhad
- B. Bilangan ahli 2 hingga 100 orang
- C. Penyata kewangan perlu dirahsiakan
- D. Diurusniagakan di bursa saham

5. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri bentuk perniagaan

- Perlu membuat bayaran royalti
- Berhak menggunakan cap dagangan, tanda nama dan logo

Apakah bentuk perniagaan di atas ?

- A. Syarikat berhad
 - B. Usaha sama
 - C. Koperasi
 - D. Francais
6. Antara berikut yang manakah digolongkan sebagai perniagaan bersaiz kecil ?
- A. Kedai runcit
 - B. Syarikat penerbitan
 - C. Loji penapis minyak
 - D. Kilang perkakasan elektronik
7. Antara yang berikut, manakah kegiatan sektor primer?
- I. Perkilangan
 - II. Perindustrian
 - III. Pembalakan
 - IV. Perikanan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
8. Apakah kelebihan perniagaan yang berada pada skala kebangsaan?
- A. Keupayaan membeli stok dalam kuantiti besar
 - B. Menguasai saiz pasaran yang lebih besar
 - C. Mempunyai pekerja 2 hingga 10 orang
 - D. Kedudukan kewangan yang kukuh

9. Apakah yang dimaksudkan dengan guna tenaga penuh

- A. Tidak berlaku pengangguran geseran
- B. Semua penduduk mempunyai pekerjaan
- C. Negara akan menghadapi kemelesetan ekonomi
- D. Kadar pengangguran kurang daripada 4 peratus

10. Mengapakah inflasi boleh berlaku?

- I. Kenaikan harga barang dan perkhidmatan
- II. Penduduk menangguhkan pembelian barang
- III. Penduduk tidak mampu membeli barang di pasaran
- IV. Peningkatan permintaan barang dengan jumlah barang yang terhad di pasaran

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

11. Apakah yang menyebabkan trend guna tenaga di negara maju semakin berkurangan?

- A. Perkembangan dalam teknologi
- B. Tidak terlibat dalam bidang professional
- C. Banyak terlibat dalam aktiviti sektor utama
- D. Banyak perniagaan mengurangkan operasi pengeluaran

12. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan sejenis gaya pengurusan

Encik Mikail, seorang majikan telah memberikan kepercayaan penuh kepada para pekerjaannya untuk membuat keputusan dan menjalankan operasi perniagaan.

Apakah jenis gaya pengurusan yang digunakan oleh Encik Mikail?

- A. Gaya pengurusan sokongan
- B. Gaya pengurusan autokratik
- C. Gaya pengurusan demokratik
- D. Gaya pengurusan laissez-faire

13. Gambar di bawah ini menunjukkan logo sebuah agensi kerajaan



Bagaimana agensi tersebut membantu pengeluar tempatan?

- A. Membantu pengeluar menghasilkan keluaran bermutu tinggi
- B. Membantu para petani untuk mengedarkan keluaran ke pasaran
- C. Mengadakan latihan untuk meningkatkan kemahiran pekerja sektor utama
- D. Mengadakan promosi di luar negara untuk meningkatkan permintaan untuk keluaran

14. Gambar berikut menunjukkan logo Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



Antara yang berikut, manakah yang merupakan bidang kuasa pihak di atas?

- I. Memberikan bantuan kepada usahawan yang baharu
- II. Merangka dan melaksanakan dasar pembangunan setempat
- III. Memastikan setiap pembinaan bangunan dalam keadaan selamat
- IV. Mendaftar dan mengawal selia semua pemaju perumahan tempatan

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan III
- D. III dan IV

15. Maklumat yang berikut berkaitan dengan langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi sejenis pengangguran


- Melaksanakan dasar fiskal dan kewangan untuk mengatasi masalah kemelesetan ekonomi
- Perniagaan terus dapat beroperasi dan mengelakkan pengurangan bilangan pekerja

Apakah jenis pengangguran yang cuba diatasi oleh kerajaan?

- A. Pengangguran kitaran
- B. Pengangguran struktur
- C. Pengangguran teknologi
- D. Pengangguran bermusim

16. Gambar di bawah ini menunjukkan kitaran ekonomi.

Kadar pertumbuhan



Anda merupakan seorang pengurus yang mementingkan kebajikan pekerja dan bertanggungjawab terhadap pemodal syarikat.

Apakah tindakan anda semasa kitaran ekonomi berada pada Fasa II?

- A. Menambahkan bilangan tenaga pekerja
- B. Melaksanakan latihan kemahiran pekerja
- C. Membenarkan pekerja bekerja lebih masa
- D. Membayar gaji dan elaun yang lebih tinggi

17. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan gaya pengurusan.

- Tindakan pengurus yang mengamalkan toleransi
- dan menjalin hubungan yang baik dengan pekerja.

Apakah gaya pengurusan tersebut?

- A. Gaya pengurusan sokongan
- B. Gaya pengurusan autokratik
- C. Gaya pengurusan demokratik
- D. Gaya pengurusan *laissez-faire*

18. Maklumat yang berikut berkaitan dengan faktor luaran yang memberi kesan kepada perniagaan.

Kebergantungan yang berlebihan kepada sumber tenaga fosil oleh pengeluar telah membawa kesan rumah hijau yang memberi kesan negatif kepada kesihatan masyarakat. Hal ini akhirnya menjejaskan permintaan terhadap keluaran peniaga.

Apakah faktor berkenaan?

- A. Ekologi
- B. Teknologi
- C. Kewangan
- D. Pemasaran

19. Mengapakah penetapan visi penting untuk sesebuah organisasi?

- I. Berfungsi membantu mencapai matlamat penubuhannya
- II. Bertindak sebagai garis panduan pekerja bahagian operasi
- III. Pendorong kuat kepada pihak pengurusan dan pekerja
- IV. Peningkatan jualan dan keuntungan dalam jangka pendek


- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

20. Antara yang berikut, yang manakah kesan kepada perniagaan sekiranya gagal mencapai matlamat dan objektif?

- I. Menghentikan pembayaran balik hutang
- II. Jualan merosot
- III. Imej merosot
- IV. Menghentikan pembelian bahan mentah

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

21. Maklumat berkaitan dengan konsep pengurusan yang diamalkan dalam sebuah organisasi



Apakah peranan yang dimainkan oleh pengurusan sumber manusia organisasi tersebut?

- A. Membina persekitaran kerja yang harmoni
- B. Menggalakan kreativiti dan inovasi
- C. Pemberian insentif yang munasabah
- D. Pemantapan budaya professional

22. Apakah ciri struktur organisasi berdasarkan geografi?

- A. Dikenali sebagai sistem berbilang arahan
- B. Sesuai untuk organisasi yang bersaiz kecil
- C. Diwujudkan untuk memenuhi keperluan pelanggan
- D. Untuk tujuan penyelarasan jabatan di pelbagai wilayah

23. Pernyataan yang manakah menunjukkan maksud sebenar pengurusan sumber manusia?


- A. Satu usaha mengenal pasti dan mengambil pekerja baharu dalam organisasi
- B. Merujuk kepada pendekatan dan cara mengurus pekerja organisasi secara cekap
- C. Aktiviti melatih pekerja baru untuk mencapai matlamat jangka pendek organisasi
- D. Satu usaha pembangunan tenaga kerja strategik untuk mencapai matlamat organisasi

24. Apakah faktor yang dipertimbangkan oleh seseorang majikan untuk menentukan pembayaran gaji kepada pekerjanya?

- I. Bilangan pekerja tetap
- II. Jumlah produk yang dikeluarkan
- III. Ganjaran yang dibayar oleh pesaing
- IV. Peraturan dan undang-undang kerajaan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

25. Rajah 1 berkaitan dengan carta organisasi Syarikat Ceria Sdn Berhad.



Rajah 1

Apakah yang ditunjukkan oleh carta organisasi tersebut?

- I Pembahagian kuasa
- II Pengasingan kuasa
- III Pembahagian kerja
- IV Pengkhususan kerja

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

26. Maklumat berikut berkaitan dengan suatu sumber fizikal dalam sebuah organisasi.

- Tempat memproses bahan mentah kepada produk siap.
- Jentera pemrosesan bahan mentah.
- Memerlukan penyelenggaraan supaya pengeluaran dapat dilakukan dengan efektif.

Apakah sumber fizikal tersebut?

- A Bahan mentah
- B Bangunan dan kemudahan
- C Kilang dan Mesin
- D Peralatan teknologi maklumat dan komunikasi

27. Maklumat berikut merupakan prosedur mengurus sumber teknologi.

- Pengurusan Paten
- Pengurusan X

Antara berikut, yang manakah akta yang melindungi Pengurusan X?

- A Akta Hak Cipta Terpelihara
- B Akta Paten 1987
- C Akta Paten 1984
- D Akta Hak Cipta 1987

28. Gambar berikut menunjukkan kereta Axia keluaran PERODUA Malaysia yang baru dilancarkan.



Bagaimanakah cara syarikat dapat melindungi reka bentuk produk tersebut?

- A Mendaftar paten kereta dengan MyIPO
- B Mendaftar rekacipta dengan pendaftar syarikat
- C Mendaftar paten kereta di bawah akta syarikat 2016
- D Mendaftar model kereta di bawah Akta Hak cipta 1987

29. Antara berikut, yang manakah bukan sumber pembiayaan luaran?

- A. Syer
- B. Rizab
- C. Geran R & D
- D. Bantuan modal

30. Zahfran menjual air pelbagai perisa di pasar malam. Bagaimanakah dia mendapatkan modal?

- A. Mencagarkan tanah milik ibunya
- B. Menggunakan wang tabung miliknya
- C. Membeli invois dari syarikat pemfaktoran
- D. Mendapatkan pinjaman daripada Maybank

31. Dokumen berikut perlu dikemukakan Harraz bagi mendapatkan pembiayaan untuk membesarkan perniagaan miliknya.

- I Rekod jualan
- II Salinan bil utiliti
- III Salinan kad pengenalan
- IV Gambar lokasi perniagaan

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. II, III dan IV
- D. Semua di atas

32. Mengapakah penjamin diperlukan jika memohon pembiayaan?

- A. Menyediakan dokumen bagi pihak bank
- B. Menanggung liabiliti bagi pihak peminjam
- C. Memberi khidmat nasihat kepada pihak bank
- D. Membantu peminjam mendapatkan kelulusan pihak bank

33. Butiran manakah yang terdapat dalam Akaun Perdagangan dan Untung Rugi?

- I. Kos belian
 - II. Aset semasa
 - III. Ekuiti pemilik
 - IV. Jualan bersih
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

34. Butiran manakah yang terdapat dalam Penyata Aliran Tunai?

- A. Jualan kredit
- B. Hutang lapuk
- C. Ambilan barang niaga oleh pemilik
- D. Penerimaan daripada penghutang

35. Maklumat yang berikut diperolehi daripada Perniagaan Marsha pada 31 Disember 2020.

Modal	RM32000
Aset Semasa	RM10400
Liabiliti Semasa	RM5500

Hitung nisbah semasa Perniagaan Marsha.

- A. 0.15 : 1
- B. 0.52 : 1
- C. 1.89 : 1
- D. 3.38 : 1

36. Bagimanakah kerjaya dalam bidang perniagaan memberi faedah kepada matlamat peribadi seseorang usahawan?

- A. Dapat melaksanakan tanggungjawab sosial perniagaan
- B. Menyediakan pelbagai peluang pekerjaan kepada masyarakat
- C. Memberi kebebasan mengurus kehidupan harian diri dan keluarga
- D. Dapat menghasilkan pelbagai produk yang memenuhi keperluan pengguna

37. Antara berikut, yang manakah merupakan lokasi yang strategik?

- A Banyak persaingan dengan peniaga
- B Kemudahan parkir yang terhad
- C Kuasa beli penduduk yang tinggi
- D Kos sewa premis yang tinggi.

38. Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah dokumen perniagaan

Dokumen ini diguna pakai apabila jualan barang niaga dilakukan secara hutang
--

Apakah dokumen perniagaan berikut?

- A. Penyata bank
- B. Bil tunai
- C. Invois
- D. Resit

39. Antara perbelanjaan berikut, yang manakah merupakan kos operasi perniagaan?

I. Perabot

II. Sewa rumah

III. Gaji pekerja

IV. Bil elektrik kedai

A. I dan II

B. I dan IV

C. II dan III

D. III dan IV

40. Maklumat di bawah berkaitan dengan objektif projek.

Kumpulan yang dikenalpasti akan menggunakan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan oleh pihak pengeluar.
--

Apakah elemen tersebut ?

A. Sasaran pekerja

B. Sasaran jualan

C. Sasaran pelanggan

D. Sasaran untung

KERTAS SOALAN TAMAT